

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT
BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
(JELEBU)**

SOALAN

DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian mengawal selia kandungan negatif seperti keganasan, lucah dan sebagainya di siaran televisyen terutamanya siaran televisyen berbayar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa memastikan rancangan yang disiarkan melalui saluran televisyen Kerajaan mematuhi garis panduan siaran yang telah disediakan.
2. Manakala Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pula mengawalselia semua stesen televisyen swasta termasuk siaran televisyen berbayar yang dikehendaki menyiarkan kandungan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Komunikasi Multimedia 1998 (AKM), Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia dan syarat-syarat lesen.
3. Semangat dan falsafah AKM bukan sahaja mengambil kira pembangunan sektor komunikasi dan multimedia secara menyeluruh, malah penggubalan akta ini juga dilihat sebagai pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai murni sejagat

dengan mengawal selia kandungan siaran yang berunsur negatif seperti keganasan, lucah dan sebagainya .

4. Antara peruntukan pematuhan yang terpakai ke atas stesen televisyen berhubung pemberian kandungan negatif seperti keganasan, lucah dan sebagainya adalah seperti berikut:

a) Seksyen 206, AKM – Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Lesen

“10.0 Kandungan Terlarang

10.2 Tidak menyiarkan kandungan yang menyinggung sensitiviti agama, bangsa dan budaya mana-mana masyarakat di Malaysia

10.3 Tidak menyiarkan apa-apa jua kandungan yang bertentangan dengan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia mahupun kandungan yang tidak menyumbang kepada aspirasi nasional.”

b) Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia

“Bahagian 2- Garis Panduan mengenai Kandungan

4.3(i) Keganasan yang melanggar tatasusila

a) Gambaran keganasan, sama ada fizikal, secara lisan ataupun berbentuk psikologi, boleh mengganggu, mencemaskan dan juga menyinggung perasaan penonton. Ia juga boleh menyebabkan ketakutan yang tidak berasas dikalangan penonton dan juga menggalakkan peniruan.

b) Keprihatinan masyarakat awam perlu diberi pertimbangan sewajarnya bilamana sesuatu aksi ganas, sama ada ianya benar berlaku atau disimulasikan, ditayangkan. Perlakuan keganasan tersebut mestilah bersesuaian dengan konteks dan yang diharapkan penonton.

c) Pemaparan amalan kejam dan penderaan, imejan kecederaan dan serangan dan pemaparan darah yang eksplisit dan keterlaluan hendaklah dielakkan.”

5. Bagi kandungan yang disiarkan secara langsung atau tertunda, kelulusan pihak SKMM adalah perlu sebelum kandungan tersebut disiarkan. Setiap kelulusan yang diberikan oleh SKMM diberikan bersama syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh pihak stesen. Antara syarat-syarat yang dikenakan adalah:

- i. Pihak stesen mestilah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menapis atau menyekat kandungan yang tidak sesuai dari disiarkan.
- ii. Pihak stesen juga dikehendaki untuk mengambil langkah-langkah proaktif dan memberi taklimat terperinci kepada hos-hos, krew produksi dan peserta-peserta rancangan untuk memastikan rancangan yang disediakan tidak mengandungi kandungan yang akan menyinggung perasaan mana-mana agama atau bangsa negara ini dan selaras dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia.

6. Di samping itu, stesen televisyen perlu juga memastikan kandungan yang disiarkan secara rakaman mematuhi Garis Panduan Penapisan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF). Pihak LPF mempunyai garis panduan yang tersendiri untuk menapis kandungan bagi memastikan bahawa kandungan yang diluluskan tidak bertentangan dengan kepentingan awam dan tidak mengancam keselamatan negara.

7. Kementerian melalui SKMM sentiasa memantau dan memastikan kandungan yang disiarkan oleh stesen televisyen mematuhi peruntukan yang dinyatakan di atas. Jika gagal berbuat demikian tindakan boleh diambil ke atas stesen televisyen kerana melanggar syarat-syarat lesen di mana pesalah boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya di bawah seksyen 242, Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM'98)